

Analisis Elemen Teori Perkembangan dalam Kandungan Buku Teks Pendidikan Moral Tingkatan 4 KSSM

Analysis of Moral Development Theories in the Content of Moral Education Form 4 KSSM Textbook

Solumuthu, Kogindran^{1*} & Thambu, Nadarajan²

¹Sekolah Menengah Kebangsaan Methodist ACS, Jalan Lahat, 30200 Ipoh, Perak, Malaysia

²Fakulti Sains Kemanusiaan (FSK), Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjong Malim, Perak, Malaysia

*email: kogin79@yahoo.com

Received: 02 April 2024; **Revised:** 27 March 2025 **Accepted:** 01 April 2024; **Published:** 25 April 2025

To cite this article (APA): Solumuthu, K., & Thambu, N. (2025). Analisis elemen teori perkembangan dalam kandungan buku teks pendidikan moral tingkatan 4 KSSM. *Perspektif Jurnal Sains Sosial Dan Kemanusiaan*, 17(1), 31-42. <https://doi.org/10.37134/perspektif.vol17.1.2.2025>

To link to this article: <https://doi.org/10.37134/perspektif.vol17.1.2.2025>

Abstrak

Lazimnya, buku teks merupakan salah satu sumber utama rujukan guru dan murid harus membantu melancarkan proses PdP Pendidikan Moral. Seajar dengan itu, buku teks Pendidikan Moral harus menjadi satu alat yang utama dalam memastikan matlamat kurikulum dapat dicapai dengan memberi penekanan kepada dimensi moral. Justeru, kandungan buku teks harus disampaikan secara sistematik berlandaskan teori perkembangan dimensi moral. Hakikatnya, teori-teori perkembangan dimensi moral ini seharusnya menjadi asas ilmu moral dan panduan kepada manusia dalam melaksanakan kehidupan seharian mereka. Justeru, artikel ini membincangkan hasil kajian tentang Buku Teks Pendidikan Moral. Buku teks Pendidikan Moral Tingkatan 4 KSSM dianalisis dengan menggunakan kaedah analisis teks Hermeneutik untuk melihat bagaimana kandungan buku teks Pendidikan Moral KSSM menjelaskan teori-teori perkembangan dimensi moral. Kandungan buku teks Pendidikan Moral dilihat kurang dijelaskan dan tidak seimbang dari aspek dimensi moral. Kajian ini berpandangan bahawa teori perkembangan moral yang merupakan teras dalam proses pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Pendidikan Moral harus memfokuskan ketiga-tiga dimensi moral dengan lebih seimbang dan bukan hanya memfokuskan kepada teori karakter Lickona (1991) dan harus diperluaskan kepada teori-teori perkembangan moral yang lain.

Kata kunci: buku teks, teori perkembangan moral, dimensi moral, Pendidikan Moral, empati, kepedulian, pembentukan karakter, perkembangan kognitif moral, empati komponen moral

Abstract

Textbooks serve as one of the main reference sources for teachers and students and should facilitate the teaching and learning process of Moral Education. In line with this, the Moral Education textbook should be a primary tool in ensuring that the curriculum's objectives are achieved by emphasizing the moral dimension. Therefore, the content of the textbook should be systematically presented based on the theories of moral dimension development. In reality, these theories of moral dimension development should serve as the foundation of moral knowledge and a guide for individuals in conducting their daily lives. Thus, this article discusses the findings of a study on the Moral Education textbook. The Form 4 KSSM Moral Education textbook was analyzed using the Hermeneutic text analysis method to examine how the textbook explains the theories of moral dimension development. The study found that the Moral Education textbook content lacks clarity and balance in terms of the moral dimension. The study suggests that moral development theories, which are fundamental to the teaching and learning process of Moral Education, should focus on all three moral dimensions in a more balanced manner rather than solely emphasizing Lickona's (1991) character theory. Additionally, it should expand to include other moral development theories.

Keywords: *textbook, moral development theory, moral dimension, Moral Education, empathy, caring, character formation, moral cognitive development, four moral components*

PENGENALAN

Pendidikan Moral merupakan satu mata pelajaran teras di peringkat sekolah rendah dan peringkat sekolah menengah (Chang, 2010). Kurikulum Pendidikan Moral ditambah baik mengikut keperluan dan peredaran masa. Kurikulum Pendidikan Moral di peringkat sekolah menengah sudah melalui tiga proses perubahan kurikulum sejak tahun 1989. Selain penggubalan dokumen kurikulum (Sukatan Pelajaran dan DSKP), penerbitan buku teks juga menjadi norma perubahan apabila kurikulum baru diperkenalkan di Malaysia. Lazimnya, buku teks merupakan salah satu sumber utama rujukan guru dan murid harus membantu melicinkan proses PdP Pendidikan Moral. (Mahidin, 2006 & Tay Meng Guan, 2010). Seajar dengan itu, buku teks Pendidikan Moral harus menjadi satu alat yang utama dalam memastikan matlamat kurikulum dapat dicapai dengan memberi penekanan kepada dimensi moral. Kajian-kajian sebelum ini lebih memfokuskan aspek pedagogi dan aspek kandungan-kandungan khususnya melibatkan nilai moral. Kajian tentang elemen teori tidak dilakukan secara mendalam melibatkan kurikulum Pendidikan Moral di Malaysia sejak tahun 1983. Justeru itu, kajian ini amat wajar untuk melihat bagaimana buku teks harus disampaikan secara sistematik berlandaskan teori perkembangan moral bagi memastikan matlamat kurikulum dapat dicapai secara berkesan. Perlu ditegaskan di sini bahawa teori-teori moral ini seharusnya menjadi asas ilmu moral dan panduan kepada manusia dalam melaksanakan kehidupan seharian mereka.

PERNYATAAN MASALAH

Buku teks Pendidikan Moral (Semakan Semula) telah mula dilaksanakan secara berperingkat-peringkat dari tahun 2003 hingga 2020 bagi peringkat sekolah rendah dan menengah. Walaupun terdapat beberapa perubahan dalam semakan kurikulum ini, namun penggunaan secara berterusan buku teks semakan kurikulum selama 17 tahun ini telah memberi kesan kepada proses PdP Pendidikan Moral di dalam bilik darjah. Antaranya perubahan dari aspek organisasi, perundangan dan isu-isu global. Selain itu, perubahan pentaksiran juga telah berlaku pada tahun 2012. Buku teks merupakan sumber rujukan yang amat penting bagi murid dan guru. Kajian William et al. (2010) membuktikan bahawa pengalaman menggunakan buku teks dalam pembelajaran merupakan satu medium yang efektif berbanding dengan sumber pembelajaran yang lain. Bagi memastikan kualiti buku teks terus dijaga dan terpelihara, proses penghasilan buku teks Pendidikan Moral bukanlah suatu tugas yang mudah. Tidak keterlaluan jika dikatakan bahawa ia merupakan satu cabaran yang harus digalas oleh semua pihak yang terlibat dalam proses ini. Kekerapan perubahan isu-isu moral harus diambil kira supaya buku teks yang dihasilkan mampu untuk diguna pakai oleh para guru dan pelajar dengan efektif. Namun, aspek-aspek seperti teori perkembangan dimensi moral dalam kandungan Buku Teks Pendidikan Moral Tingkatan 4 KSSM masih boleh dipertikaikan kerana wujud jurang antara dimensi-dimensi moral di mana penekanan diberikan kepada penaakulan moral berbanding dengan emosi moral dan perlakuan moral.

Teori-teori dimensi moral menjadi asas untuk perkembangan bidang ilmu moral. Setiap teori moral menjadi panduan kepada manusia untuk melaksanakan kehidupan berlandaskan nilai, etika dan peraturan dalam masyarakat. Teori moral juga mengajar manusia untuk bertindak secara bermoral dan membuat sesuatu keputusan dan tindakan secara bermoral tanpa melanggar batas-batas kesusilaan, agama dan undang-undang. Maka, dengan mengetahui teori-teori moral manusia dapat mengetahui perkara yang betul, benar, patut dan wajib. Teori juga memberikan rasional dan justifikasi terhadap perlakuan individu dalam sesuatu situasi yang dipenuhi dengan dilema moral. Antara matlamat kurikulum Pendidikan Moral ialah mengajar individu menaakul secara bermoral, memiliki emosi atau perasaan moral dan bertindak atau memiliki perlakuan bermoral. Ketiadaan elemen teori dalam mengukuhkan fakta-fakta moral dalam buku teks akan ‘mengurangkan’ kesahan fakta moral untuk diterima dan diamalkan oleh murid. Hal ini kerana minda manusia akan mudah menerima fakta yang logik dan rasional untuk diingat dan diamalkan.

Kajian menunjukkan bahawa mengajar nilai-nilai moral sahaja tidak cukup tanpa melibatkan murid-murid dalam pengalaman sebenar yang membolehkan mereka meneroka dan bertindak mengikut domain moral (Lickona, 1993). Oleh itu, dalam konteks di sekolah, murid harus dilibatkan secara aktif dan ‘alami’ dalam pembelajaran di dalam kelas dengan mengutamakan interaksi, dialog, bergerak, mendengar, melihat, bertanya soalan, berbincang sesama mereka dan melakukan amali (Silberman, 1996). Sebagai bahan pengajaran, buku teks juga perlu mendukung teori-teori moral agar ia menjadi panduan kepada murid untuk menguasai dimensi moral seperti pemikiran, perasaan dan perlakuan moral. Guru perlu mengajar atau memperkenalkan teori-teori moral yang mendasari sesuatu pemikiran, penaaakuan, emosi dan tindakan moral agar pelajar dapat memperkukuhkan pemikiran, sikap dan perlakuan moral mereka. Bagi memastikan teori-teori ini berpadanan dengan dimensi moral, maka lima teori perkembangan moral dilihat amat bersesuaian dalam pengukuhan minda moral murid. Teori-teori perkembangan moral ini adalah teori perkembangan kognitif moral, teori empat komponen moral, teori empati moral, teori etika kepedulian dan teori karakter Lickona. Justeru, kewujudan teori-teori perkembangan dimensi moral perlu dipastikan ada dalam buku teks Pendidikan Moral demi perkembangan kematangan moral murid yang padu dan mantap.

Bagi menghadapi persaingan global yang semakin sengit dalam persekitaran ekonomi yang dipacu oleh inovasi, KPM telah memberi penekanan terhadap Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam sistem persekolahan dan buku teks di sekolah. Pelaksanaan KBAT dalam sistem persekolahan menggunakan pendekatan yang menyeluruh dan sistematik yang merangkumi tujuh elemen yang terdiri daripada tiga elemen utama iaitu kurikulum, pedagogi dan pentaksiran serta empat elemen sokongan iaitu kokurikulum, sokongan komuniti dan swasta, sumber dan bina upaya. Kajian yang dijalankan oleh Gan dan Visha (2020) menjelaskan bahawa dapatan kajian menunjukkan guru mempunyai pengetahuan asas tentang KBAT namun pelaksanaan KBAT dalam mata pelajaran Pendidikan Moral harus bersama-sama dengan pemupukan nilai-nilai universal supaya dapat menjadi pemangkin kepada kemenjadian murid. Hal ini bermaksud segala fakta moral yang dibincangkan dalam buku teks juga harus meningkatkan kemahiran berfikir murid daripada kemahiran menganalisis, mengaplikasi, menilai dan kemahiran mencipta. Guru perlu meyakinkan murid dengan fakta moral dengan urutan sebab dan akibat untuk meningkatkan kemahiran membuat pertimbangan yang rasional. Keputusan moral yang rasional pula perlu diperkukuh dengan bukti teori moral yang relevan agar ilmu yang diberi mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi. Melalui ilmu moral yang sahih sahaja matlamat melahirkan insan bermoral dapat direalisasikan. Oleh itu, teori moral perlu didedahkan kepada murid sebagai satu cara untuk menguji kesahan dan kebolehpercayaan fakta moral.

Namun, dalam pemerhatian awal penyelidik menunjukkan bahawa, guru-guru Pendidikan Moral tidak membincangkan teori-teori moral sebagai pengukuhan kepada fakta moral yang disampaikan kepada murid. Sebagai contoh fakta tentang perlunya penerapan nilai kasih sayang tidak disokong atau dibuktikan melalui teori kepedulian atau teori kepedulian Noddings (2002) Persoalannya ialah, mengapa guru-guru tidak menyentuh langsung tentang teori-teori perkembangan dimensi moral dalam memperkukuh fakta moral dalam perbincangan mereka? Atau adakah guru-guru tidak menyentuh hal teori kerana teori langsung tidak dimasukkan dalam kandungan buku teks Pendidikan Moral Tingkatan 4 KSSM? Hal ini juga menimbulkan keraguan kepada penyelidik, khususnya dalam kandungan buku teks Pendidikan Moral Tingkatan 4 KSSM?

Rentetan itu, kajian dan analisis terperinci tentang penggunaan teori-teori perkembangan dimensi moral dalam buku teks perlu untuk melihat sejauh mana teori-teori moral digunakan untuk memandu pelajar menguasai aspek-aspek moral seperti penaaakuan, emosi, perlakuan, autonomi, niat, altruistik, dilema moral, kepedulian (*care*), keadilan, empati dan etika. Selain menguasai aspek-aspek moral ini, teori-teori yang bersesuaian dengan dimensi moral juga memainkan peranan penting dalam memastikan standard pembelajaran dapat disampaikan secara konkrit dan bukan secara andaian sahaja. Justeru, tujuan kajian ini ialah untuk menganalisis kandungan penulisan buku teks Pendidikan Moral KSSM dalam menjelaskan teori-teori perkembangan dimensi moral.

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif bagi kajian ini adalah:

Menganalisis kandungan penulisan buku teks Pendidikan Moral dalam menjelaskan teori-teori perkembangan moral dari aspek dimensi moral.

PERSOALAN KAJIAN

Berdasarkan pernyataan masalah, persoalan yang akan dijawab dalam kajian ini adalah seperti berikut:

1. Sejauh manakah kandungan buku teks Pendidikan Moral menjelaskan teori-teori perkembangan moral?

SOROTAN KAJIAN

Kajian ini membincangkan bagaimana buku teks menjadi sumber utama pengajaran dan pembelajaran mampu menjelaskan teori-teori perkembangan moral dalam menguasai tiga dimensi moral secara menyeluruh. Perkembangan moral di dalam diri murid adalah pengabungan domain kognitif, afektif dan psikomotor dalam membentuk sahsiah dan tingkah laku. Terdapat beberapa teori perkembangan moral yang mampu menjadi teras yang kukuh dalam penguasaan domain-domain ini.

Misalnya, Lickona (1993) menegaskan bahawa terdapat tiga aspek utama dalam perkembangan moral iaitu penaakulan moral (*moral knowing*), perasaan moral (*moral feeling*) dan perlakuan moral (*moral action*). Ternyata pandangan Lickona (1993) menekankan tiga dimensi moral dalam pembentukan sahsiah, tingkah laku dan karakter murid. Bagi memastikan kandungan buku teks Pendidikan Moral menjelaskan teori-teori perkembangan moral secara holistik, pemilihan teori perkembangan moral yang bersesuaian mampu memperkukuhkan kandungan buku teks dan memantapkan penyampaian isi kandungan.

Dimensi penaakulan moral merujuk kepada keupayaan mental untuk menaakul iaitu membuat pertimbangan moral dalam sesuatu situasi yang kabur (DSKP KSSM Tingkatan 4&5). Perkara ini adalah selari dengan pandangan Kohlberg (1981) yang melihat perkembangan moral dari aspek kognitif iaitu perkembangan moral tidak berkembang hanya dengan usia (biologi) namun berkembang melalui penaakulan kognitif (Kohlberg, 1981). Maka bagi dimensi penaakulan moral, teori perkembangan kognitif moral harus diperjelaskan di dalam kandungan buku teks. Selain itu, satu lagi elemen penting dimensi penaakulan moral yang digariskan di dalam DSKP Pendidikan Moral KSSM adalah melihat bagaimana murid membuat pertimbangan moral dalam mengenalpasti perlakuan baik atau benar dan perlakuan jahat atau salah (DSKP KSSM Tingkatan 4&5). Dalam hal ini beberapa komponen moral yang berunsurkan penaakulan moral harus diperkembangkan. Misalnya, dalam menyelesaikan sesuatu konflik atau dilema moral, murid harus mempunyai sensitiviti moral dan pertimbangan moral dalam menyelesaikannya. Model empat komponen yang diperkenalkan oleh Rest et al. (1999) dengan jelas merangsang kognisi murid dalam meneliti proses pemikiran moral dan tingkah laku moral individu. Dimensi penaakulan moral akan lebih kukuh apabila perkembangan empat komponen moral dijelaskan dalam kandungan buku teks Pendidikan Moral. Aspek afektif atau emosi moral merangkumi perasaan dan pengalaman individu (Kochanska dan Aksan, 2006 & Perry dan Bussey, 1984).

Perkembangan emosi moral murid dapat dilihat apabila mempunyai teras yang jelas seperti elemen empati dan elemen kepedulian. Menurut Narinasamy, I., dan Nordin, N. (2018), empati adalah satu literasi emosi. Damon (2010) berpendapat bahawa pengasuhan dengan memberi penekanan aspek empati di kalangan kanak-kanak oleh ibu bapa mampu mengembangkan kematangan, sifat tanggungjawab dan melahirkan sifat penyayang apabila mereka menjadi dewasa. Hoffman (2000)

memberi pandangan bahawa empati adalah asas penyayang. Menurutnya lagi jika dilihat dari sudut perkembangan empati moral, seseorang yang mempunyai jiwa empati akan bertindak balas apabila melihat kesusahan orang lain, tekanan empati ini akan didahului dengan memberi bantuan dan akhirnya merasa dirinya lebih baik setelah memberi pertolongan. Satu lagi teori yang harus dijelaskan dalam kandungan buku teks berkaitan dengan dimensi moral adalah perkembangan etika kepedulian. Elemen kepedulian amat penting dalam merangsang emosi moral murid kerana aspek kepedulian menggambarkan kesanggupan individu berkorban dengan cara mengambil berat, mengambil tahu dan bersikap penyayang terhadap individu yang lain (Noddings, 2002). Satu kajian yang dilakukan oleh Narinasamy, I., dan Wan Mamat, W. H. (2013) menunjukkan sikap kepedulian guru (*modeling*), penglibatan aktif murid dan pengetahuan kandungan pedagogi merupakan teras utama dalam menonjolkan kepedulian terhadap murid.

Kurikulum KSSM Pendidikan Moral akan lengkap apabila dimensi perlakuan moral diaplikasikan dalam PdP secara seimbang dengan dua lagi dimensi yang lain secara konsisten. Dimensi ini akan menjadi pelengkap dalam membentuk karakter moral murid yang positif. Maka perlu ditegaskan di sini bahawa perkembangan karakter moral merupakan suatu pendekatan komprehensif dan holistik yang meliputi dimensi penaakulan, emosi dan perlakuan dalam melahirkan insan yang berakhlak mulia (Lickona, 1993). Ini selari dengan fokus kurikulum Pendidikan Moral KSSM.


Kesimpulannya, lima teori perkembangan moral ini amat praktikal dan bersesuaian untuk dijelaskan di dalam kandungan buku teks Pendidikan Moral bagi membantu pencapaian matlamat kurikulum Pendidikan Moral berlandaskan tiga dimensi moral yang ditekankan.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif menggunakan reka bentuk kajian kes. Analisis bagi kajian ini adalah dengan menggunakan pendekatan Hermeneutik. Kandungan buku teks Pendidikan Moral Tingkatan 4 dianalisis secara sistematik menggunakan kaedah Hermeneutik. Kaedah Hermeneutik digunakan bagi memperoleh data secara mendalam merangkumi maklumat tersurat dan tersirat. Satu protokol instrumen telah dibangunkan yang dikenali sebagai Protokol Teks Dokumen (PTD). Protokol teks dokumen ini telah mendapat pengesahan instrumen daripada empat pakar yang mempunyai kepakaran masing-masing dalam bidang bahasa, Pendidikan Moral dan Hermeneutik. PTD dilihat sesuai bagi kajian berbentuk kualitatif yang lebih menekankan maklumat yang banyak dengan fokus diberikan kepada saiz sampel yang kecil (Bailey, 2007). Selain itu, reka bentuk kajian kes dianggap wajar dan sesuai digunakan kerana tujuan kajian ini adalah untuk meneliti secara kritis kandungan buku teks Pendidikan Moral dalam proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) di dalam bilik darjah (Creswell, 2008). Analisis bagi kajian ini adalah melibatkan elemen daripada lima teori perkembangan moral dalam kandungan buku teks Pendidikan Moral KSSM Tingkatan 4. Lima teori perkembangan moral adalah Teori Kognitif Moral (Kohlberg, 1981), Model Empat Komponen (Rest, 1999) Perkembangan Empati Moral (Hoffman, 2000), Perkembangan Etika Kepedulian (Noddings, 2002) dan Perkembangan Karakter Moral (Lickona, 1993).

ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN

Lima bahagian di dalam buku teks Pendidikan Moral KSSM Tingkatan 4 telah dianalisis menggunakan kaedah Hermeneutik. Lima tema telah dijana iaitu perkembangan kognitif moral, perkembangan model empat komponen moral, perkembangan empati moral, perkembangan etika kepedulian dan perkembangan karakter moral. Tema-tema ini wujud secara konsisten dan berulang di dalam ke semua 12 unit buku teks yang telah dianalisis. Tambahan pula, lima teori ini memenuhi kriteria mengikut tiga dimensi moral iaitu penaakulan moral, emosi moral dan perlakuan moral. Rajah 1 menunjukkan tema-tema yang dijana hasil daripada proses analisis 5 bahagian utama di dalam buku teks Pendidikan Moral KSSM Tingkatan 4.




Rajah 1: Tema Teori Perkembangan Moral

Lima tema yang dijana ini akan menjelaskan sejauhmana kandungan buku teks Pendidikan Moral KSSM menjelaskan teori-teori perkembangan moral dari sudut tiga dimensi moral iaitu penaakulan moral, emosi moral dan perlakuan moral.


1. Penaakulan Moral

Penaakulan moral merupakan salah satu dimensi moral yang ditekankan dalam kurikulum Pendidikan Moral. Dua tema yang wujud berkaitan dengan dimensi ini adalah perkembangan kognitif moral dan perkembangan model empat komponen moral. Dua teori ini melihat sejauh mana murid dapat bertindak balas menggunakan kognisi mereka dalam membuat pertimbangan moral. Rajah 2 menunjukkan kekerapan tema teori perkembangan kognitif dikesan di dalam setiap bahagian di dalam buku teks.



Rajah 2: Tema teori perkembangan kognitif moral di setiap bahagian buku teks

Penekanan diberikan kepada tiga tahap perkembangan kognitif moral iaitu tahap pra-konvensional, tahap konvensional dan tahap pasca konvensional. Hasil analisis bagi tema pertama iaitu perkembangan kognitif moral menunjukkan hanya diberi tumpuan 33.3% sahaja. Di sini juga dapat dilihat, fokus lebih diberikan mengikut peringkat pra-konvensional sahaja mengikut peringkat-peringkat perkembangan kognitif moral yang dicadangkan oleh Kohlberg. Oleh kerana murid yang menggunakan buku teks ini adalah murid berumur 16 tahun, maka latihan atau aktiviti di tahap konvensional dan pra konvensional perlu ditambah baik bagi memastikan kesesuaiannya mengikut peringkat umur murid. Secara kesimpulannya bagi teori perkembangan kognitif moral, dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat ruang untuk penambahbaikan bagi latihan dan aktiviti yang menilai kognitif moral. Perlu ditegaskan disini bahawa, teori kognitif moral Kohlberg (1981) kurang diberi dalam kandungan buku teks. Fokus kepada latihan atau aktiviti di tahap konvensional dan pra konvensional perlu ditambah baik bagi memastikan kesesuaiannya mengikut peringkat umur murid. Hal ini kerana latihan dan aktiviti yang mengikut ketepatan peringkat umur akan membantu proses perkembangan kognitif moral secara lebih konsisten, menyeluruh dan sistematik. Rajah 3 menunjukkan kekerapan tema teori model empat komponen moral Rest (1999) dapat dikesan di dalam setiap bahagian di dalam buku teks.




Rajah 3: Tema teori Model Empat Komponen Moral

Tema kedua yang dijana adalah perkembangan empat komponen moral. Empat elemen difokuskan berdasarkan teori perkembangan empat komponen moral Rest (1999) iaitu sensitiviti moral, pertimbangan moral, motivasi moral dan amalan moral. Secara keseluruhannya, elemen sensitiviti moral dan pertimbangan moral dapat dilihat dengan jelas di setiap unit di dalam kandungan buku teks Pendidikan Moral. Analisis dapatan kajian juga menunjukkan bahawa empat komponen moral ini mempunyai peratusan pengaplikasian teori yang tertinggi berbanding teori-teori perkembangan moral yang lain dengan peratusan sebanyak 78.3%. Teori ini dapat dilihat di kesemua unit di bahagian pengukuhan, pengayaan, pemulihan dan penilaian.

Amat jelas menunjukkan bahawa dua teori perkembangan moral ini wujud dalam kandungan buku teks Pendidikan Moral KSSM. Hal ini juga menunjukkan bahawa dimensi penaakulan moral diterapkan berdasarkan dua teori perkembangan moral ini. Secara kesimpulannya, dilema-dilema di dalam buku teks dengan jelas memberi peluang kepada keupayaan murid bagi menggunakan kemahiran menaakul dalam mencari jalan penyelesaian mengikut kemahiran moral yang dipelajari.


2. Emosi Moral

Emosi moral merupakan dimensi moral yang selalu disisihkan dalam pelaksanaan kurikulum Pendidikan Moral di dalam bilik darjah mahupun di dalam kandungan buku teks. Namun, dalam penggubalan kurikulum KSSM Pendidikan Moral, emosi moral telah dinyatakan secara konsisten di setiap unit pembelajaran. Sebagai contoh, jika dirujuk kepada setiap standard kandungan (SK), kita dapat lihat elemen emosi dinyatakan dalam standard pembelajaran (SP) dan standard pentaksiran (SPi). Bagi memastikan kelangsungan dimensi emosi moral ini, PdP Pendidikan Moral harus dilaksanakan berlandaskan teori-teori perkembangan moral yang kukuh. Maka dua elemen yang mampu merangsang emosi moral murid adalah elemen empati dan elemen kepedulian. Dua tema dijana bagi dimensi ini iaitu teori empati moral dan teori etika kepedulian. Rajah 4 menunjukkan kekerapan tema teori perkembangan empati moral Hoffman (2000) dapat dikesan di dalam setiap bahagian di dalam buku teks.



Rajah 4: Tema teori empati moral di setiap bahagian buku teks

Terdapat terdapat lima aspek perkembangan empati moral iaitu tangisan reaktif yang baru lahir (*newborn reactive cry*), tekanan empati egosentrik (*egocentric empathic distress*), tekanan empati kuasi-egosentrik (*quasi-egocentric empathic distress*), tekanan empati benar (*veridical empathic distress*) dan tekanan empati yang melampaui keadaan (*empathic distress beyond the situation*). Hasil analisis dapatan kajian menunjukkan emosi moral mempunyai kekerapan paling rendah jika dibandingkan dengan teori-teori perkembangan moral yang lain. Elemen empati dapat dikesan di empat unit di bahagian pengukuhan dan pengayaan sahaja. Manakala di bahagian pemulihan, elemen empati hanya dapat dilihat di 3 unit sahaja. Di bahagian penilaian, elemen empati hanya dapat dikenal pasti di satu unit sahaja. Elemen empati tidak dapat dikesan langsung di bahagian konsep. Walaupun kita dapat lihat item soalan berdasarkan emosi moral di setiap unit namun gaya penyoalan adalah sangat umum di mana sukar bagi guru menilai dari aspek moral. Hal ini kerana murid yang mempunyai penguasaan bahasa yang baik mampu memberi respon yang umum dan bukan dari aspek moral itu sendiri. Amatlah sukar bagi guru menilai berlandaskan aspek moral. Bagi melihat emosi murid, elemen empati harus ditonjolkan kerana perkembangan empati moral mampu dilihat dari aspek moral. Maka, kita harus memastikan elemen empati diberi fokus di masa hadapan. Rajah 5 menunjukkan kekerapan tema teori perkembangan etika kepedulian Noddings (2002) dapat dikesan di dalam setiap bahagian di dalam buku teks.



Rajah 5: Tema teori etika kepedulian di setiap bahagian buku teks


Tema kedua yang wujud di bawah emosi moral adalah perkembangan etika kepedulian. Terdapat empat aspek dalam proses etika kepedulian moral iaitu *modeling*, dialog, praktis dan kepastian. Tema ini dilihat amat penting di dalam dunia yang maju ini bagi memastikan keseimbangan antara kemajuan teknologi seiring dengan perkembangan moral. Analisis kandungan buku teks Pendidikan Moral KSSM dianalisis menggunakan empat elemen di dalam teori perkembangan etika kepedulian yang diperkenalkan oleh Noddings (2002). Analisis dapatan kajian menunjukkan unsur kepedulian mempunyai peratusan yang rendah sebanyak 31.7% sahaja. Elemen kepedulian dapat dilihat di tujuh unit di bahagian pengukuhan. Ini merupakan kekerapan tertinggi berbanding bahagian-bahagian yang lain. Di bahagian pemulihan, elemen kepedulian dapat dikesan hanya di lima unit manakala di bahagian pengayaan dapat dikesan di empat unit sahaja. Di bahagian pemulihan, elemen kepedulian dapat dilihat hanya di tiga unit sahaja. Elemen kepedulian tidak dapat dikesan di bahagian konsep.

Bagi memastikan keseimbangan antara ketiga-tiga dimensi moral, dimensi emosi moral harus diberi penekanan yang sewajarnya. Bagi memastikan dimensi ini diperkasakan, elemen empati dan elemen kepedulian harus diberi penekanan utama kerana dua elemen ini mempunyai teori yang kukuh. Kandungan buku teks yang jelas didokong oleh teori perkembangan moral akan memastikan perkembangan moral yang seimbang dalam melahirkan insan yang berakhlak mulia.

3. Perlakuan Moral

Perlakuan moral merupakan satu lagi dimensi yang harus diberi keutamaan. Hal ini adalah kerana seseorang murid yang mempunyai penaakulan moral dan emosi moral harus mengamalkannya dalam membentuk karakter moral yang positif. Misalnya, pendidikan karakter merupakan nilai etika teras yang merangkumi sifat kepedulian, penyayang, kejujuran, bertanggungjawab, keadilan, hormat, ketabahan dan ketekunan yang menjadi asas pembentukan watak yang baik dan terpuji. Mengikut Lickona (1993), seseorang yang mempunyai kualiti pengetahuan moral dan emosi moral mampu bertindak dengan berkualiti melalui perlakuan moral mereka. Terdapat tiga aspek dalam proses perlakuan moral iaitu kompetensi (*competence*), keinginan (*will*), dan kebiasaan atau tabiat (*habit*).

Rujuk rajah 6 yang menunjukkan kekerapan tema teori karakter dapat dilihat di dalam setiap bahagian di dalam buku teks.



Rajah 6: Tema teori karakter di setiap bahagian buku teks

Kajian ini telah menganalisis kesemua 12 unit dalam buku teks Pendidikan Moral bagi melihat sejauhmana teori karakter ini dijelaskan. Hasil analisis dapatan kajian menunjukkan perkembangan karakter moral mempunyai kekerapan tertinggi iaitu sebanyak 10 daripada 12 unit di bahagian pengukuhan dan penilaian. Manakala di bahagian pemulihan, perkembangan karakter moral dapat dilihat secara konsisten di 8 unit. Seterusnya, di bahagian pengayaan perkembangan karakter moral dapat dilihat di 7 unit. Perkembangan karakter moral di bahagian konsep merupakan kekerapan yang paling rendah di mana hanya dapat dikesan di 3 daripada 12 unit di dalam buku teks. Konklusinya, dapatan kajian menunjukkan perkembangan karakter moral dijelaskan dalam kandungan buku teks dan sudah pasti ini mampu membantu guru dan murid mencapai matlamat kurikulum Pendidikan Moral.

RUMUSAN DAPATAN KAJIAN

Hasil daripada analisis dapatan kajian, kita dapat lihat terdapat ruang untuk penambahbaikan walaupun kita dapat melihat elemen teori perkembangan moral dibebarepa bahagian di dalam kandungan buku teks. Misalnya, elemen perkembangan empat komponen moral dan elemen karakter moral dijelaskan di dalam kandungan buku teks dalam kekerapan yang tinggi. Namun elemen-elemen lain seperti elemen perkembangan kognitif moral, elemen empati moral dan elemen perkembangan etika kepedulian masih perlu ditambah baik dalam kandungan. Aktiviti dan latihan harus dibina berasaskan teori-teori perkembangan ini bagi memastikan mata pelajaran Pendidikan Moral lebih sistematik dan berpegang kuat pada teori dalam menyebarkan pengetahuan moral, perasaan moral dan amalan moral dengan lebih tersusun.

Kesimpulannya, teori perkembangan moral adalah teras dalam proses pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Pendidikan Moral. Dimensi moral yang memfokuskan kepada penaakulan moral, emosi moral dan perlakuan moral tidak boleh hanya memfokuskan kepada teori karakter Lickona (1993) sahaja, malah harus diperluaskan kepada teori-teori perkembangan moral yang lain, sejajar dengan konsep moral sebagai *the law of reasoning* (Kohlberg, 1984).

CADANGAN PENAMBAHBAIKAN KANDUNGAN BUKU TEKS PENDIDIKAN MORAL

Kandungan buku teks hanya memberi penekanan khusus kepada penaakulan moral berbanding dengan emosi moral dan perlakuan moral. Hal ini bercanggah dengan hujah Tay (2010) yang menyatakan bahawa kandungan buku teks harus berperanan sebagai penyebar sumber maklumat yang lengkap dan komprehensif bagi sesuatu mata pelajaran. Kesimbangan teori perkembangan moral harus dilihat secara khusus merangkumi beberapa teori yang relevan serta sesuai dengan kurikulum Pendidikan Moral. Misalnya, fokus kajian ini dikhususkan kepada lima teori perkembangan moral berlandaskan tiga dimensi moral. Kepelbagaian teori sudah pasti memberi satu pengalaman pembelajaran yang lebih lengkap khususnya bagi mata pelajaran Pendidikan Moral yang menitikberatkan elemen penaakulan, emosi dan amalan moral. Hal ini juga selari dengan pandangan Kolb (1984) yang menjelaskan bahawa kepelbagaian teori dapat membantu fokus proses pembelajaran yang lengkap dan integrasi pelbagai teori juga mampu memberi gambaran yang lebih lengkap.

Penggabungan kelima-lima teori perkembangan moral dalam kurikulum turut dapat membantu mengimbangkan setiap dimensi secara holistik dan lebih teratur. Selain itu, ia mampu memberi pilihan dan panduan yang sistematik berteraskan disiplin moral kepada guru sebagai pelaksana kurikulum terutamanya dalam pelaksanaan kandungan buku teks di dalam bilik darjah. Hal ini ternyata berpadanan dengan hujah Gardner (1999) bahawa kepelbagaian teori memberi ruang kepada guru sebagai pelaksana kurikulum mevariasikan pembelajaran yang unik serta memberi kekuatan kepada murid untuk mengembangkan potensi secara menyeluruh yakni dalam konteks Pendidikan Moral merangkumi aspek penaakulan moral, emosi moral dan perlakuan moral.

Proses pengajaran dan pembelajaran berteraskan teori akan memastikan guru menjadikan teori sebagai landasan utama dalam berkongsi pengalaman pengajaran mereka di dalam bilik darjah. Fokus kepada teori-teori perkembangan moral harus dipilih berdasarkan dimensi moral yang telah disasarkan dalam pembentukan insan yang bermoral. Oleh yang demikian, lima teori perkembangan moral yang telah dikaji mampu memberi suatu nafas baru dalam aspek kandungan Pendidikan Moral di Malaysia. Para guru Pendidikan Moral yang menguasai teori-teori ini mampu menyegarkan proses pembelajaran murid.

Pentaksiran bilik darjah berlandaskan tahap-tahap teori perkembangan kognitif moral Kohlberg mampu memberi satu dimensi yang baru bagi aspek penilaian Pendidikan Moral. Dengan penghasilan deskriptor khas berdasarkan teori ini, proses PdP akan lebih berfokus kerana dipenuhi dengan elemen-elemen berkaitan dengan Pendidikan Moral secara khusus. Guru-guru bukan sahaja dapat mentaksir PBD murid namun mereka mengetahui tahap perkembangan kognitif moral murid-murid mereka. Lama-kelamaan, teori ini akan sebat di dalam setiap jiwa raga guru Pendidikan Moral. Penambahbaikan ini juga dapat merangsang pemikiran moral yang lebih holistik berdasarkan tahap kognitif moral mereka. Seperti yang diketahui, terdapat enam bahagian di dalam buku teks iaitu rangsangan, konsep, pengukuhan, pengayaan, pemulihan dan penilaian. Pengasingan konsep dengan bahagian-bahagian lain memberi cabaran kepada guru dalam merancang dan melaksanakan PdP. Bagi guru yang kurang menguasai teori khususnya teori empat komponen moral, keseimbangan dimensi moral berpotensi mewujudkan masalah dalam penyampaian isi pelajaran. Antara cadangan penambahbaikan adalah seperti berikut;

- i. Buku teks dicerakinkan kepada tiga bahagian yang utama iaitu bahagian penerokaan, pengukuhan dan penilaian.
- ii. Bahagian penerokaan harus dibahagikan kepada empat sub-bahagian yang akan dijelaskan secara berasingan dan bukan secara serentak seperti mana sekarang dibahagikan konsep.
- iii. Bahagian pengukuhan harus mengabungkan kesemua standard pembelajaran (SP) dalam menghasilkan satu hasil pembelajaran yang berkualiti berdasarkan kaedah pembelajaran PAK21.
- iv. Akhir sekali di bahagian penilaian, murid harus diuji secara formatif dan sumatif.

KESIMPULAN

Kajian ini mencadangkan supaya kandungan buku teks perlu di tambah baik bagi memastikan ia memberi impak positif secara keseluruhannya kepada kurikulum Pendidikan Moral. Kandungan buku teks harus berteraskan teori perkembangan moral bagi memudahkan pencapaian matlamat kurikulum Pendidikan Moral dan memudahkan proses PdP.

Penjelasan teori-teori perkembangan ini harus dilihat secara holistik bagi perkembangan kurikulum Pendidikan Moral di Malaysia. Penghasilan dan pendedahan teori-teori perkembangan moral juga arus dilihat dari aspek yang positif bagi memastikan matlamat kurikulum Pendidikan Moral dapat dicapai.

PENGHARGAAN

Penulis merakamkan jutaan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam kegiatan ini secara langsung mahupun tidak langsung.

Konflik Kepentingan: Tiada konflik kepentingan dalam kajian ini.

RUJUKAN

- Bailey, C. A. (2007). *A guide to qualitative field research (2nd ed.)*. London, UK: Pine Forge Press.
- Chang, L. H. (2010). *An appraisal on the implementation of Moral Education for schools in Malaysia*. Kertas kerja dibentangkan di 4th International Conference on Teacher Education; Join Conference UPI & UPSI Bandung, Indonesia, 8-10 November 2010.
- Creswell, J. W. (2008). *Educational research: Planning, conducting, and evaluating quantitative and qualitative research*. Englewood Cliffs, NJ: Pearson.
- Damon, W. (2010). *The bridge to character*. *Educational Leadership*, 67(5), 36-39.
- Gan C.M. & Vishalache (2020). *Implimentasi Kemahiran Berfikir Aras Tinggi Guru Pendidikan Moral Di Sebuah Sekolah Menengah Pulau Pinang*. Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya.
- Gardner, H. (1999). *Intelligence reframed: Multiple intelligences for the 21st century*. Basic Books.
- Hoffman, M. L. (2000). *Empathy and moral development: Implications for caring and justice*. Cambridge University Press.
- Kohlberg, L. (1981). *The Meaning and Measurement of Moral Development*. Worcester, Mass.: Clark University Press.
- Kolb, D. A. (1984). *Experiential learning: Experience as the source of learning and development*. Prentice-Hall.
- Kochanska, G., & Aksan, N. (2006). *Children's conscience and self-regulation*. *Journal of Personality*, 74(6), 1587-1617.
- Lickona, T. (1993). *The return of character education*. *Educational Leadership*, 51(3), 6-11.
- Mahidin bin Awang Itam. (2006). *Sikap guru terhadap keberkesanan buku teks Bahasa Melayu dan penggunaannya di dalam bilik darjah*. Tesis Sarjana Pendidikan. Universiti kebangsaan Malaysia.
- Narinasamy, I., & Wan Mamat, W. H. (2013). *Caring teacher in developing empathy in moral education*. *Malaysian Online Journal of Educational Sciences*, 1(1), 1-19.
- Narinasamy, I., & Nordin, N. (2018). *Implementing classroom assessment in Malaysia: An investigation*. *Jurnal Kurikulum BPK*, 55-63.
- Noddings, N. (2002). *Educationg moral people. A caring alternative to character education*. New York, NY: Teachers College Press
- Rest, J., Narvaez, D., Bebeau, M. J., & Thoma, S. J. (1999). *Postconventional Moral Thinking: A Neo-Kohlbergian Approach*. Mahwah, New Jersey: Lawrence Erlbaum Associates, Publishers.
- Silberman, M. L. (1996). *Active learning: 101 strategies to teach any subject*. Allyn and Bacon.
- Tay Meng Guan (2010). *Pandangan guru pelatih terhadap buku teks Bahasa Melayu KBSR*. *Jurnal Pendidikan IPG KBL*, 9
- William Douglas Woody, David B.Daniel, Crystal A.Baker. (2010). *E-books or textbooks: Students prefer textbooks*. *Computers & Education Vol.55*. Pg.945-948